



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 17 Tahun 2018

**PENAMBAHBAIKAN WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB) DI
AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DI SELURUH NEGARA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf UiTM mengenai penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2017 Mengenai Tambahan Waktu Peringkat (WP) Dalam Jadual Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di Agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara untuk dilaksanakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan transformasi Perkhidmatan Awam dan usaha penambahbaikan berterusan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam serta memberi fleksibiliti Waktu Peringkat (WP), Kerajaan bersetuju menambah satu lagi WP dalam jadual WBB yang sedia ada di semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara iaitu dari pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-162 bertarikh 31.1.2018 telah bersetuju meluluskan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2017 Mengenai Tambahan Waktu Peringkat (WP) Dalam Jadual Waktu Bekerja Berperingkat

(WBB) di Agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara untuk dilaksanakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

PELAKSANAAN

4. WBB diwujudkan dengan waktu pejabat yang bermula dari pukul 7.30 pagi hingga pukul 6.00 petang. Hari dan tempoh waktu bekerja bagi seseorang pegawai Perkhidmatan Awam mengikut negeri adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Hari dan Tempoh Waktu Bekerja

Negeri	Hari	Tempoh Waktu Bekerja	Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Rehat Mingguan
Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)	Isnin hingga Khamis	9 jam	Hari Sabtu merupakan hari rehat mingguan manakala hari Ahad merupakan hari kelepasan mingguan
	Jumaat	7 jam 30 minit	
Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor	Ahad hingga Rabu	9 jam	Hari Sabtu merupakan hari rehat mingguan manakala hari Jumaat merupakan hari kelepasan mingguan
	Khamis	7 jam 30 minit	

5. Pelaksanaan Waktu Peringkat bagi seluruh sistem Universiti Teknologi MARA telah ditetapkan seperti di jadual berikut:

Jadual 2: WBB di UiTM Shah Alam/ UiTM Cawangan (Selangor, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang)

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP1	Isnin - Jumaat	7.30 pg - 4.30 ptg	Isnin – Khamis 1.00 ptg– 2.00 ptg
WP2		8.00 pg - 5.00 ptg	
WP3		8.30 pg - 5.30 ptg	Jumaat 12.15 t/hari – 2.45 ptg
WP4		9.00 pg - 6.00 ptg	

Jadual 3: WBB di UiTM Cawangan Sabah

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP1	Isnin - Jumaat	7.30 pg - 4.30 ptg	Isnin – Khamis 1.00 ptg– 2.00 ptg Jumaat 11.30 pg – 2.00 ptg
WP2		8.00 pg - 5.00 ptg	
WP3		8.30 pg - 5.30 ptg	
WP4		9.00 pg - 6.00 ptg	

Jadual 4: WBB di UiTM Cawangan Sarawak

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP1	Isnin - Jumaat	7.30 pg - 4.30 ptg	Isnin – Khamis 1.00 ptg– 2.00 ptg Jumaat 11.45 pg – 2.15 ptg
WP2		8.00 pg - 5.00 ptg	
WP3		8.30 pg - 5.30 ptg	
WP4		9.00 pg - 6.00 ptg	

Jadual 5: WBB di UiTM Cawangan (Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor)

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP1	Ahad - Rabu	7.30 pg - 4.30 ptg	Ahad – Khamis 1.00 ptg – 2.00 ptg
	Khamis	7.30 pg - 3.00 ptg	
WP2	Ahad - Rabu	8.00 pg - 5.00 ptg	
	Khamis	8.00 pg - 3.30 ptg	
WP3	Ahad-Rabu	8.30 pg - 5.30 ptg	
	Khamis	8.30 pg - 4.00 ptg	
WP4	Ahad - Rabu	9.00 pg – 6.00 ptg	
	Khamis	9.00 pg – 4.30 ptg	

WBB PADA BULAN RAMADAN

6. Kerajaan juga telah memberi fleksibiliti WP kepada pegawai Perkhidmatan Awam dalam bulan Ramadan dengan mengurangkan waktu rehat selama 30 minit bagi membenarkan pegawai meninggalkan pejabat 30 minit lebih awal pada bulan Ramadan.

7. Pegawai boleh memilih untuk menggunakan WBB sediada atau WBB bulan Ramadan seperti berikut:

Jadual 6: WBB bulan Ramadan di UiTM Shah Alam/ UiTM Cawangan (Selangor, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang)

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP5	Isnin - Jumaat	7.30 pg - 4.00 ptg	Isnin – Khamis 1.00 ptg– 1.30 ptg
WP6		8.00 pg - 4.30 ptg	
WP7		8.30 pg - 5.00 ptg	Jumaat 12.30 t/hari – 2.30 ptg
WP8		9.00 pg - 5.30 ptg	

Jadual 7: WBB bulan Ramadan di UiTM Cawangan Sabah

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP5	Isnin - Jumaat	7.30 pg - 4.00 ptg	Isnin – Khamis 1.00 ptg– 1.30 ptg
WP6		8.00 pg - 4.30 ptg	
WP7		8.30 pg - 5.00 ptg	Jumaat 11.45 pg – 1.45 ptg
WP8		9.00 pg - 5.30 ptg	

Jadual 8: WBB bulan Ramadan di UiTM Cawangan Sarawak

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP5	Isnin - Jumaat	7.30 pg - 4.00 ptg	Isnin – Khamis 1.00 ptg– 1.30 ptg
WP6		8.00 pg - 4.30 ptg	
WP7		8.30 pg - 5.00 ptg	Jumaat 12.00t/hari – 2.00 ptg
WP8		9.00 pg - 5.30 ptg	

Jadual 9: WBB bulan Ramadan di UiTM Cawangan (Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor)

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP5	Ahad - Rabu	7.30 pg - 4.00 ptg	Ahad – Khamis 1.00 ptg – 1.30 ptg
	Khamis	7.30 pg - 2.30 ptg	
WP6	Ahad - Rabu	8.00 pg - 4.30 ptg	
	Khamis	8.00 pg - 3.00 ptg	
WP7	Ahad-Rabu	8.30 pg - 5.00 ptg	
	Khamis	8.30 pg - 3.30 ptg	
WP8	Ahad - Rabu	9.00 pg – 5.30 ptg	
	Khamis	9.00 pg – 4.00 ptg	

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. Tanggungjawab ketua jabatan adalah:
 - a. Pelaksanaan lima hari bekerja seminggu dan WBB wajib dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara. Bagi waktu bekerja selain daripada waktu bekerja pejabat, ia adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang telah diperuntukkan kepada ketua jabatan bagi mengatur waktu bekerja pegawai terlibat.
 - b. Bagi menjamin keberkesanan WBB, pegawai hendaklah membuat perancangan WP dengan memilih WP1/WP2/WP3/WP4 yang sesuai setiap bulan bagi setahun tertakluk kepada persetujuan ketua jabatan.
 - c. Bagi WBB bulan Ramadan, **sekiranya** pegawai hendak mengubah WP daripada WP1/WP2/WP3/WP4 kepada WP5/WP6/WP7/WP8, pegawai perlu mendapatkan persetujuan ketua jabatan.
 - d. Bagi perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka secara berterusan, Ketua Jabatan boleh membuat penyesuaian kepada waktu rehat pegawai dengan syarat masa rehat pegawai diganti pada hari yang sama.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2005, Perkhidmatan Bilangan Bilangan 2 Tahun 2007, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010, Surat Edaran JPA(S) 371/4 Klt.4(20) bertarikh 18 Disember 2013 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeliling dikeluarkan pada 1 Mac 2018.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

PEMAKAIAN

12. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA yang berkeelayakan.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(BGSU/PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(Bil. 17/2018)